

Sampah dari pasar borong

KUALA LUMPUR - Sampah sarap yang dibuang dari Pasar Borong Selayang dikenal pasti menjadi punca menyebabkan Sungai Batu, Segambut semakin tercemar.

Pengerusi BN Segambut, B Jayanthi Devi berkata, perkara itu disahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Pengairan Saliran (JPS) yang melakukan kerja pembersihan di perangkap sampah sungai itu semalam.

Menurutnya, kebanyakan sampah dibuang di sungai terdiri daripada sisa makanan, sayuran, ikan dan bekas makanan yang dibuang dari pasar berkenaan.

“Apa yang berlaku amat menyedihkan kerana sungai yang bersih dahulunya kini tercemar teruk akibat aktiviti pembuangan sampah tidak

terkawal yang saya yakin ianya didalangi oleh pekerja warga asing,” katanya.

Tambahnya, peniaga tempatan di pasar itu perlu memastikan pekerja mereka membuang sampah dan sisa di tempat yang sepatutnya bukannya mengambil jalan mudah melemparkan bahan buangan itu ke sungai.

“Ini bukan sahaja mencacatkan pemandangan, tetapi juga menjadi punca penyakit merebak kerana persekitaran tercemar,” katanya.

Difahamkan, 8 tan sampah dikeluarkan dari sungai melalui kerja pembersihan yang dilakukan segera oleh DBKL dan JPS semalam.

“Penghargaan kepada DBKL kerana bertindak segera membersihkan sampah di sungai sebaik menerima aduan saya,” katanya.



Keadaan sampah dan sisa buangan pasar borong yang terkumpul di Sungai Batu menjadi punca sungai berkenaan tercemar.